

**TEKS UCAPAN  
YBHG. DATUK SERI DR. ABDUL FATTAH  
ABDULLAH  
PRESIDEN ANGKASA  
MERANGKAP PRESIDEN ASEAN CO-  
OPERATIVE ORGANIZATION (ACO)  
DAN PENGASAS YAYASAN INFAQ  
ANGKASA**

**PERASMIAN BANGUNAN WAKAF  
MAINPP- YAYASAN INFAQ ANGKASA**

**6 MAC 2023M /13 SYAABAN 1444H  
(ISNIN)**

---

Assalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh dan Salam Malaysia  
Madani

[SALUTASI DISEDIAKAN PROTOKOL]

1. Ahamdulillah, syukur ke hadrat ALLAH S.W.T. kerana dengan limpah kurnia-Nya dapat kita bersama-sama

di majlis Perasmian Bangunan Wakaf Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) – Yayasan Infaq ANGKASA pada pagi yang berbahagia ini.

2. Saya mengambil kesempatan ini, merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima

kasih kepada Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri Utama Ahmad Fuzi bin Haji Abdul Razak, Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang atas kesudian hadir menyempurnakan majlis ini.

3. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada semua tetamu jemputan dan wakil-wakil koperasi yang sudi

hadir memeriahkan majlis bermakna ini.

4. Saya juga mengambil kesempatan ini merakamkan jutaan penghargaan dan terima kasih kepada lebih 7.04 juta anggota dan 15,000 koperasi seluruh Malaysia yang telah memberi sokongan dan

kepercayaan kepada ANGKASA  
selama ini sehingga tertubuhnya  
YAYASAN INFAQ ANGKASA.

**Tuan Yang Terutama, Dato'-Dato',  
Tuan-Tuan, Puan-Puan yang dihormati  
sekalian**

5. Penubuhan Yayasan Infaq ANGKASA sejajar inisiatif baharu memperkasakan wakaf diumumkan YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia semasa membentangkan belanjawan 2023 Malaysia Madani. Melalui **Ikhtiar 4: Meraih Pelaburan Berimpak Tinggi**, Kerajaan komited untuk

memperkasakan ekonomi dan kewangan Islam menerusi instrumen wakaf melalui kerjasama antara badan-badan korporat.

6. ANGKASA bersama gerakan koperasi akan terus memainkan peranan selaku perintis **WAKAF KOPERASI** untuk memberi nilai tambah

dalam pelaksanaan Pelan Induk Wakaf Nasional (PIWN) yang sedang dibangunkan. Ini kerana ia dapat memastikan pengurusan wakaf dapat dioptimumkan dengan lebih dinamik pada masa hadapan.

7. Pengiktirafan kerajaan negeri Pulau Pinang terhadap Yayasan Infaq

ANGKASA isyarat jelas bahawa gerakan koperasi pelengkap kepada usaha memperkasakan wakaf oleh Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang.

**Tuan Yang Terutama, Dato'-Dato',  
Tuan-Tuan, Puan-Puan yang dihormati  
sekalian**

8. Mewakili ANGKASA selaku pengasas penubuhan Yayasan Infaq ANGKASA, saya mengucapkan tahniah dan selamat maju jaya kepada barisan tokoh agamawan dan ilmuwan dan kewangan korporat yang dilantik mengemudi Yayasan Infaq ANGKASA. Saya menyeru seluruh gerakan koperasi Malaysia menyumbang hasil

keuntungan secara konsisten kepada Yayasan Infaq ANGKASA. Ini pastinya dapat merencanakan projek-projek pendidikan, kesehatan, sosial yang memberi manfaat besar kepada masyarakat.

9. Saya yakin dan percaya, melalui kerjasama padu dana wakaf dapat

diperkasakan dan menjadi sebagai peneraju penggerak utama ekonomi negara yang progresif dan mampan. Ia selaras Matlamat Pembangunan Mampan 2030 (*Sustainable Development Goals 2030*) untuk membasmi kemiskinan.

10. Saya berharap Yayasan Infaq ANGKASA terus meningkatkan hubungan baik dengan Majlis-Majlis Agama Islam Negeri seluruh Malaysia bagi memastikan pentadbiran pengurusan harta wakaf lebih sistematik, cekap dan berkesan. Kerjasama ini berupaya

mengoptimalkan penggunaan dan pembangunan aset-aset wakaf.

11. Melalui institusi-institusi berkaitan wakaf di Malaysia, ANGKASA berharap dapat menawarkan kepakaran serta model amalan terbaik wakaf kepada negara-negara Islam

lain dalam usaha mengembalikan kegemilangan wakaf.

12. Umpama pepatah “berat sama dipikul, ringan sama dijinjing,” menjadi tanggungjawab kita bersama memartabatkan ANGKASA sebagai perintis wakaf korporat pertama gerakan koperasi di Malaysia.

13. Tahniah dan Syabas kepada Yayasan Infaq ANGKASA dan MAINPP atas usaha dan idea ini. Sesungguhnya revolusi wakaf sektor korporat yang mampu menyumbang kepada kelestarian pembangunan dan perkembangan wakaf di Malaysia.

14. Sekali lagi saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Tuan Yang Terutama Tun Dato' Seri Utama Ahmad Fuzi bin Haji Abdul Razak yang sudi melapangkan masa bersama-sama di majlis ini. Tidak lupa juga terima kasih kepada seluruh jemputan yang hadir pada hari ini. Sekian.